JABATAN PELAJARAN JOHOR,
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
80604 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM

*Telefon:*
Pengarah : 07-2361787
Pejabat Am : 07-2361633
: 07-2332200
*No. Fax* : 07-2385789
: 07-2378319
Peperiksaan : 07-2361979
*No. Fax* : 07-2369084
*e_mail : jpnjohor@joh.moe.gov.my*

Ruj. Kami : JPNJ.NP(27)(S)/500-5/4/4/JLD.5/( **45** )

Tarikh : 17 JAN 2013

Semua Pegawai Pelajaran Daerah,
Pejabat Pelajaran Daerah Negeri Johor.

Tuan / Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2013**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian pihak tuan/puan mengenai perkara di atas. Surat Kementerian Pelajaran Malaysia bil. KP(PP)SULIT0063/1/1/JILID 15/(20) bertarikh 11 Januari 2013 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) pada tahun 2013 seperti berikut :

2.1 PPPLD yang berada di Gred **DGA29** sekurang-kurangnya **8 tahun** ***(telah dilantik pada tahun 2005);***

2.2 PPPLD yang berada di Gred **DGA32** / DGA32 (KUP) 'Time-Based' / DGA32 (KUP) Guru Cemerlang sekurang-kurangnya **8 tahun** ***(telah dinaikkan pangkat pada tahun 2005); dan***

2.3 PPPLD yang berada di Gred **DGA34** / DGA34 (KUP) Guru Cemerlang sekurang-kurangnya **5 tahun** ***(telah dinaikkan pangkat pada tahun 2008).***

3. Bagi menyempurnakan urusan tersebut. Jabatan ini memohon pihak tuan/puan memastikan tiada berlakunya keciciran data pegawai dengan mengambil kira perkara-perkara berikut :

3.1 Kenyataan dan pengesahan Ketua Jabatan mengenai maklumat perkhidmatan pegawai berdasarkan Kenyataan Perkhidmatan (Buku Rekod Perkhidmatan);

3.2 Markah Penilaian Prestasi Tahun (LNPT) 2009, 2010, 2011;

3.3 Kelulusan Pengisytiharan Harta; dan

3.4 Kenyataan Tatatertib (jika berkaitan).

Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan

*Sijil Pendaftaran No. PA 0059 Sistem Kualiti MS ISO 9000 Perkhidmatan Awam Malaysia*

*Malaysian Public Service MS ISO 9000 Quality System Registration Certificate No. PA 0059*